

29 JANUARI 2021 (JUMAAT)

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Perbadanan Muzium Negeri Pahang dan Jabatan Warisan Negara (JWN) akan melakukan pemuliharaan artifak rangka kapal yang ditemui selepas banjir surut di Kampung Pagar, Mukim Penjom, Lipis, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perlادangan dan Komoditi negeri Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin berkata, setakat ini pihak berkenaan bersama penduduk kampung sudah menjalankan proses dokumentasi, merekod dan memelihara artifak itu.

Katanya, artifak itu ditempatkan di Muzium Warisan Lipis yang kini di dalam pengawasan dan penjagaan oleh Pejabat Daerah Lipis.

"Penyelidikan pada fasa seterusnya dijangka akan melalui proses ekskavasi arkeologi di lokasi kapal itu ditemui untuk mendapat

PULIHARA ARTIFAK ABAD KE-19

Perbadanan Muzium Pahang, JWN giat kumpul keseluruhan rangka kapal wap yang ditemui selepas banjir surut di Lipis

RANGKA kapal yang ditemukan selepas banjir surut di Kampung Pagar, Penjom, Kuala Lipis, dua minggu lalu.



maklumat secara saintifik dan memastikan keseluruhan artifak yang tertinggal dapat ditemukan.

"Daripada tinjauan, lebih 100 pecahan kayu ditemui yang dipercayai sebahagian daripada badan kapal itu berdasarkan morfologi dan jenis kayu dan paku."

"Turut ditemui sejumlah seramik dagangan yang seusia dengan relik kapal itu terdiri daripada seramik China dan Eropah di sekitar tapak jumpaan," katanya

dalam kenyataan media di sini, semalam.

Mohd Sharkar berkata, daripada analisis awal, kapal berkenaan kemungkinan kapal wap sepanjang antara 25 hingga 300 meter.

Katanya, berdasarkan rekod sejarah di kawasan itu, kapal berkenaan boleh dikaitkan dengan kegiatan perlombongan emas di Penjom yang beroperasi sejak abad ke-19.

"Beberapa kapal wap beroperasi atau melalui

sepanjang Sungai Pahang di Kuala Pahang, Pekan sehingga Sungai Lipis.

"Antaranya SS Amherst yang dilaporkan karam di Kuala Pahang dan kapal Seri Pahang yang dipercayai karam di Paloh Hinai, Pekan."

"Berdasarkan rekod, sebuah kapal pernah beroperasi di kawasan ini iaitu SS Senyum milik syarikat perlombongan emas Penjom namun tiada rekod ia karam," katanya.